



Bersama:



SIARAN MEDIA

Nestlé Beri Inspirasi Kepada Guru Untuk Pupuk Pelajar Yang Lebih Sihat

SOROTAN PENTING

- Nestlé Malaysia baru-baru ini menganjurkan bengkel tahunan ketiga '*Train-the-Trainer*' sebagai sebahagian daripada Program Kanak-Kanak Sihat Nestlé.
- Bengkel ini bertujuan untuk mendidik guru-guru tentang modul NHK, yang bertujuan untuk menambah pengetahuan tentang pemakanan dan menyemaikan tabiat dan gaya hidup sihat dalam kalangan pelajar.

KUCHING, 2 Ogos 2016 – Selaras dengan komitmen untuk menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia, Nestlé Malaysia baru-baru ini menganjurkan bengkel tahunan ketiga '*Train-the-Trainer*' sebagai sebahagian daripada Program Kanak-Kanak Sihat Nestlé (*Nestlé Healthy Kids* atau singkatannya NHK), yang merupakan satu inisiatif global untuk membantu menggalakkan kanak-kanak sekolah mengamalkan cara hidup lebih sihat.

Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Persatuan Pemakanan Malaysia (*Nutrition Society of Malaysia* atau singkatannya NSM), inisiatif *Train-the-Trainer* ini melatih guru-guru tentang modul NHK, dengan matlamat untuk menambah pengetahuan mereka tentang pemakanan dan menyemaikan tabiat dan gaya hidup sihat dalam kalangan pelajar.

Bengkel selama tiga hari ini telah dilancarkan di Kuching, Sarawak, oleh Encik Cyril Christopher Singham, Ketua Penolong Pengarah, Sektor Kesihatan, Intervensi dan Pengurusan Asrama, Bahagian Pengurusan Sekolah di Kementerian Pendidikan Malaysia. Susulan kejayaan bengkel bagi dua tahun yang lepas, ramai peserta kembali lagi untuk menyertai bengkel pada tahun ini, bersama beberapa peserta baru. Secara keseluruhan, seramai 166 Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan warden dari sekolah rendah asrama harian di Sabah dan Sarawak telah menghadiri bengkel kali ini.

Bengkel tahun ini telah diketuai oleh pakar kesihatan terkenal, Dr. Zawiah Hashim, Dr. Chin Yit Siew, dan Prof. Dr. Norimah A. Karim yang telah memperkenalkan set pembelajaran Modul Tahap 3 dengan topik-topik yang lebih mendalam, antara lain termasuk *Kaedah Penyediaan Makanan yang Sihat*, *Baca Label pada Bungkus Makanan*, dan *Jom Bersenam dan Bersukan*. Guru-guru juga telah mengulangkaji pelajaran bagi tahun-tahun lepas dan juga cara untuk mengajar dan berinteraksi dengan pelajar menggunakan modul NHK.

Menurut Encik Cyril Christopher Singham, “Pihak kementerian berasa suka cita kerana dapat bekerjasama sekali lagi dengan Nestlé dan NSM buat tahun ketiga berturut-turut bagi program ini. Kerjasama antara sektor awam dan swasta adalah satu langkah progresif dalam sektor pendidikan. Menerusi inisiatif ini, kami berharap agar kanak-kanak sekolah kita akan belajar cara mengamalkan tabiat yang sihat. Modul sepanjang dua tahun yang lepas telah menunjukkan hasil positif, dan kami yakin bahawa bengkel *Train-the-Trainer* tahun ini terbukti memberi faedah kepada guru-guru dan juga pelajar-pelajar.”

Eliza Mohamed, Pengarah Hal Ehwal Korporat Kumpulan, Nestlé Malaysia, berkata, “Sebagai syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terkenal di dunia, kami percaya bahawa pemakanan yang baik adalah penting untuk kesejahteraan setiap individu. Program NHK adalah sangat relevan memandangkan isu-isu yang berkaitan pemakanan, seperti kekurangan zat makanan dan peningkatan obesiti, khususnya dalam kalangan kanak-kanak sekolah. Seajar dengan prinsip Menjana Nilai Bersama, kami akan terus melaksanakan usaha untuk membawa kesan positif kepada kehidupan semua rakyat Malaysia. Di Nestlé, kami percaya bahawa untuk menjana nilai jangka panjang untuk syarikat, kami juga mesti menjana nilai untuk masyarakat.”

Menurut Dr. Tee E Siong, Pengerusi Jawatankuasa Pakar NHK dan Presiden Persatuan Pemakanan Malaysia, “Di NSM, kami yakin bahawa usaha mendidik anak-anak kecil kita untuk mengamalkan cara hidup sihat akan menjamin generasi rakyat Malaysia yang sihat. Usaha ini akhirnya akan menjamin negara yang sihat. Program seperti Kanak-Kanak Sihat Nestlé penting untuk membawa perubahan dengan menanamkan tabiat makan yang lebih sihat.”

Puan Fatimah Sapawi dari SK Kampung Iran, Subis, Sarawak berkata, “Ini merupakan tahun ketiga saya menyertai Bengkel Latih Jurulatih, dan setiap bengkel menambah pengetahuan saya. Modul yang diajar sangat interaktif dan terbukti berkesan apabila kami memperkenalkan pelajaran ini ke dalam kelas harian kami. Anak murid saya gemar mengikuti pelajaran NHK dan saya tidak sabar untuk berkongsi pengetahuan baru yang saya pelajari daripada bengkel tahun ini dengan mereka.”

Latar Belakang Program Kanak-Kanak Sihat Nestlé

Program Kanak-Kanak Sihat Nestlé di Malaysia merangkumi dua modul – Modul Sekolah Rendah yang dilancarkan dengan kerjasama NSM, dan Modul Sekolah Menengah dinamakan Program Cara Hidup Sihat, yang dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Universiti Putra Malaysia, untuk menambah pengetahuan dan menambah baik amalan gaya hidup sihat dalam kalangan peserta. Bengkel Train-the-Trainer adalah sebahagian daripada Modul Sekolah Rendah, dan fasa pertama dilancarkan pada tahun 2010, diikuti fasa kedua pada tahun 2014.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé yang merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia serta merupakan syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terkemuka, beribu pejabat di Vevey, Switzerland. Sejak tahun 1866, Nestlé komited untuk menawarkan produk bermutu tinggi, lazat, selamat dan berkhasiat kepada para pengguna kami iaitusejajar dengan janji *Good Food, Good Life* kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak tahun 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna menerusi jenama dan produk berkualiti kami, serta komitmen untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi. Di Nestlé, para pengguna kami merupakan nadi dalam segala yang kami lakukan. Kami memberi nikmat kepada para pengguna melalui tawaran produk yang mempunyai kualiti terbaik; berteraskan asal-usul kami di Switzerland sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk maklumat lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia yang melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad
Tel: (+603) 7965 5185
Tel Bimbit: +6012-353 1337
E-mel: Maxine.Lim@my.nestle.com

Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications
Tel: (+603) 7958 8348
Tel. Bimbit : +6012-304 7604 (Joanne) or
+6017-237 9048 (Yasmin)
E-mel: acorncommunications@acornco.com.my